



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

MAJLIS PENYERAHAN SURAT KEBENARAN PENGUNAAN KOMPLEKS UNIT BERKUDA KEPADA PDRM

PUTRAJAYA – Perbadanan Putrajaya dan pihak Polis Di Raja Malaysia akan berkongsi penggunaan Kompleks Unit Berkuda Putrajaya yang terletak di Presint 15, selama 10 tahun.

Kompleks Unit Berkuda Putrajaya yang berkeluasan 10 ekar telah dibangunkan oleh Perbadanan Putrajaya sejak tahun 2001 dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2006. Kini, kompleks ini akan menempatkan dua pasukan unit berkuda iaitu Unit Berkuda Perbadanan Putrajaya dan Unit Berkuda Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk beroperasi dan menguruskan Kompleks tersebut secara gunasama.

Pasukan Unit Berkuda Perbadanan Putrajaya yang telah diluluskan penubuhannya pada 6 Jun 2007 akan mempunyai sebanyak 20 ekor kuda bagi kegunaan rondaan menjelang pertengahan tahun ini. Untuk tujuan tersebut, seramai 11 orang anggota penguatkuasa telah menjalani latihan menunggang kuda dan pengurusan stabel selama 3 bulan di Unit Berkuda, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Samsudin Osman yang menyempurnakan majlis penyerahan surat kebenaran kepada PDRM, pasukan ini akan membuat tugas rondaan dan penguatkuasaan dikawasan taman-taman awam bagi mencegah kegiatan pencerobohan dan kegiatan yang boleh mendatangkan kerosakan dan

file

kecurian kepada harta awam serta membuat tugas kawalan lalulintas dan keselamatan orang ramai pada majlis keramaian atau acara sambutan yang diadakan di Putrajaya.

Selain daripada itu, Pasukan Berkuda Putrajaya akan mengambil bahagian dalam aktiviti sukan berkuda dan perbarisan. Mereka dijangka akan dapat membantu menarik kemasukkan pelancong ke Putrajaya apabila ditempatkan di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan pelancong dengan berpakaian tradisional.

Antara kemudahan di Kompleks Unit Berkuda ini adalah kandang kuda, *paddock*, klinik veterineri, bilik VIP, cafe serta bangunan pentadbiran yang memuatkan bilik simpanan senjata, pejabat PDRM dan Perbadanan Putrajaya.



ZAHARAH SALAMAT

Timbalan Pengarah Perhubungan Awam

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 28 April 2009

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013